



SINGAPORE – CAMBRIDGE  
General Certificate of Education Ordinary Level

---

**PENGETAHUAN AGAMA ISLAM**

**2080/1**

Kertas 1

**ISLAMIC RELIGIOUS KNOWLDEGE**

Paper 1

**SPECIMEN PAPER**

*With effect from 2026 examination*

**1 hour 30 minutes**

Additional Materials: Main Answer Booklet

---

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Jawab tiga soalan kesemuanya; satu soalan daripada Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.



Singapore Examinations and Assessment Board

**BAHAGIAN A (20 markah)**

**Arahan:** Jawab mana-mana **satu** soalan.

- 1 Setiap Muslim wajib beriman kepada qadak dan qadar.
  - (a) Terangkan erti qadak dan qadar serta tahap-tahap beriman kepada kedua-dua perkara ini. (4 markah)
  - (b) Jelaskan hikmah qadak dan qadar mengikut pemahaman dan pengalaman kamu. (6 markah)
  - (c) Tidak semua yang kita inginkan adalah yang kita perlukan. Jelaskan pemahaman kamu tentang pendapat ini dari perspektif qadak dan qadar. Sertakan contoh-contoh yang relevan untuk menyokong jawapan kamu. (10 markah)
- 2 Zaman sebelum Nabi Muhammad s.a.w. diutus sebagai rasul dikenali sebagai zaman Jahiliyah.
  - (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'Jahiliyah'? (4 markah)
  - (b) Huraikan hikmah yang kamu pelajari di sebalik pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. kepada masyarakat Jahiliyah. (6 markah)
  - (c) Jelaskan sifat-sifat positif dan negatif masyarakat Jahiliyah yang dapat kamu jadikan tauladan. (10 markah)

**BAHAGIAN B (15 markah)**

**Arahan:** Jawab mana-mana **satu** soalan.

**3** Iman merupakan perkara yang paling asas bagi setiap Muslim.

- (a) Apakah perkara yang boleh dilakukan oleh seseorang Muslim untuk mempertingkatkan imannya? (5 markah)
- (b) Keenam-enam Rukum Iman dapat memberikan kesan terhadap kehidupan harian manusia. Huraikan. (10 markah)

**4** Seorang Muslim wajib beriman kepada sifat-sifat Allah s.w.t.

- (a) Jelaskan mana-mana lima sifat wajib Allah s.w.t. (5 markah)
- (b) Huraikan perbezaan antara sifat-sifat Allah s.w.t. dengan sifat-sifat manusia. (10 markah)

**BAHAGIAN C (15 markah)**

**Arahan:** Jawab mana-mana **satu** soalan.

- 5** Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah ke Madinah setelah beberapa tahun menyebarkan dakwah di Mekah.
- (a) Bagaimakah keadaan penduduk Madinah pada ketika itu? (5 markah)
- (b) Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan Islam mudah diterima oleh penduduk Madinah. (10 markah)
- 6** Kerajaan Bani Umayyah bertahan selama 91 tahun.
- (a) Jelaskan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh kerajaan Bani Umayyah. (5 markah)
- (b) Terangkan sebab-sebab kejatuhan kerajaan Bani Umayyah. (10 markah)

Selesai

---

*Copyright Acknowledgements:*

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.